

# Perlu tindakan tegas

KAMARUL HALIM M KAMAL

**BATU PAHAT** – Tindakan tegas perlu diambil ke atas pihak sengaja menghina gambar pemimpin negara dan mengibarkan bendera ‘baru’ bagi menjaga kepentingan awam, kata Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

“Kes itu dianggap kes kepentingan awam dan polis akan siasat. Tindakan tegas itu bukan demi kepentingan politik tetapi orang ramai sudah marah, jijik serta mual terhadap perbuatan tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Minggu Haluan Siswa (MHS) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia(UTHM), semalam.

Menurutnya, polis akan menjalankan siasatan sebelum menyerahkannya kepada Pejabat Peguam Negara untuk tindakan lanjut.

“Pendirian kementerian adalah jelas iaitu menyerahkan siasatan kepada polis dan Peguam Negara serta mahkamah menjalankan tugas mereka.



Hishammuddin (tengah) bermesra dengan sebahagian pelajar baru UTHM.

“Saya tidak mahu dituduh mencampuri dalam hal polis. Kementerian menekankan dasar dan pendekatan secara menyeluruh,” katanya.

Menurutnya, perbuatan mempunyai gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datuk Seri Rosmah Mansor sebagai tindakan melampau bagi menyemai bibit kebencian terhadap pemimpin negara.

Katanya, sehubungan itu, beliau meminta orang ramai terutama generasi muda menolak budaya kebencian dan usaha menanam emosi kerauhan yang boleh menjurus kepada perpecahan.

“Bantahan ramai pihak mengenai kejadian berkenaan menunjukkan majoriti rakyat Malaysia tidak menerima amalan dan nilai negatif serta budaya seperti itu,” katanya.